

18 DEC 1999

Mahathir-Tanggungjawab

MAHATHIR INGATKAN WAKIL RAKYAT JAGA KAWASAN, HADIR SIDANG PARLIMEN

PUTRAJAYA, 18 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini mengingatkan wakil rakyat Barisan Nasional (BN) supaya mengambil berat tentang tanggungjawab mereka terhadap pengundi dan kawasan masing-masing.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata wakil rakyat perlu membuat lawatan di kawasan mereka dan mengambil berat tentang masalah-masalah yang timbul.

"Selain daripada melawat kawasan masing-masing, mereka juga harus hadir mesyuarat-mesyuarat di Parlimen," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pra-majlis untuk anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara daripada Barisan Nasional (BN) di Jabatan Perdana Menteri, di sini sebelum persidangan Parlimen.

Persidangan Dewan Rakyat selepas pilihan raya umum ke-10 akan berlangsung mulai Isnin selama empat hari diikuti persidangan Dewan Negara.

Pengerusi BN itu berkata beliau sendiri pernah mendapati kerusi di Dewan Rakyat kosong kerana wakil rakyat gagal hadir sehingga kadang-kadang timbul situasi tidak cukup korum.

"Saya lihat kartun Lat hari ini, jadi saya teringat mungkin betul juga apa yang dia kata...masa pilihan raya, masing-masing cakap berapi-api tapi bila dah jadi wakil rakyat, kadang-kadang tak hadir di Dewan Rakyat," katanya.

Kartun karya kartunis terkenal tanah air itu yang disiarkan dalam sebuah akhbar berbahasa Inggeris, menggambarkan seorang calon berpidato dengan begitu lantang sebelum pilihan raya tetapi tidak hadir di Parlimen selepas menang pilihan raya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz ketika ditemui berkata apa yang beliau faham tentang ungkapan "melawat kawasan" ialah mengambil tindakan sewajarnya terhadap masalah berbangkit.

"Saya tafsirkannya sebagai mengadakan majlis dialog dengan penduduk pelbagai lapisan di kawasan saya dan bukan hanya balik berjumpa dengan orang parti sama ada bahagian atau cawangan," katanya.

Katanya dialog sedemikian membolehkan rakyat membangkitkan apa saja masalah mereka termasuk soal kesihatan, ternakan dan parit pecah.

Rafidah berkata rakyat kadang-kadang tidak menekankan sangat soal pembangunan asalkan masalah mereka mendapat perhatian wakil rakyat.

Menteri Luar Datuk Syed Hamid Albar berkata wakil rakyat BN perlu melaksanakan tugas mereka dengan berkesan lebih-lebih lagi kini terdapat lebih banyak wakil rakyat daripada parti pembangkang berbanding dulu.

"Oleh itu kita perlu menentukan tugas kita dilaksanakan dengan baik dengan memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyat yang diwakili," katanya.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula berkata perdana menteri mahu wakil rakyat menunjukkan komitmen dalam memberikan perkhidmatan untuk rakyat.

Ketua Pergerakan Wanita Umno itu juga berkata peringatan Dr Mahathir supaya wakil rakyat "turun padang" adalah selaras dengan hasrat BN melaksanakan apa yang terkandung dalam manifesto pilihan rayanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan dan anggota Parlimen Sungai Petani Datuk Dr Mahadzir Mohamed Khir berkata selain daripada mendekati masyarakat, seseorang wakil rakyat perlu menjadi penggerak kepada kegiatan yang melibatkan mereka.

Beliau juga bercadang menubuhkan satu jawatankuasa pembangunan di kawasannya yang akan dianggotai wakil daripada beberapa parti komponen BN bagi membolehkan beliau mendapat maklumbalas berhubung apa yang dikehendaki masyarakat tempatan.

-- BERNAMA
MAM ARA RON